



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	300 PETUGAS BARISAN HADAPAN TERIMA BANTUAN MAFI, SH -ONLINE FRONTLINERS DI PPV MITEC TERIMA SUMBANGAN MAFI PRIHATIN, SH -ONLINE FRONTLINERS DI PPV MITEC TERIMA SUMBANGAN MAFI PRIHATIN, NASIONAL, SH -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6.	IKAN SEJUK BEKU DARI IRAN DIRAMPAS, NASIONAL, BH -15 RAMPAS 29.7 TAN BELUT, IKAN TIMAH DARI IRAN, NEGARA, KOSMO -12 MAQIS RAMPAS 24 TAN IKAN SUSU TANPA PERMIT IMPORT, NEGERI SELANGOR/PAHANG, SH -34	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	RANCANG EKSPORT MUSANG KING, NEGERI KELANTAN, SH -25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	JANGAN HALANG KENDERAAN BAWA HASIL PERTANIAN, UM -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	IPBES8: MALAYSIA SARAN NEGARA AHLI AMBIL IKTIBAR PANDEMIK COVID-19, SH -ONLINE ELAK TERPUTUS RANTAIAN MAKANAN, JANGAN HALANG LORI BAWA HASIL PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM -24 JUAL KAMBING KORBAN ONLINE, DALAM NEGERI, UM -12 UMK GRAD REAPING REWARDS OF PINEAPPLE FARMING ENDEAVOUR, NEWS IN BRIEF, NST -12 TUPAI KING KALAHKAN DURI HITAM, MUKA DEPAN, KOSMO -1 TUPAI KING PIKAT SELERA 'HANTU DURIAN', NEGARA, KOSMO -2 MILA TERKILAN DITUDUH JUAL DURIAN HARGA TERLAMPAU MAHAL, NEGARA, KOSMO -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

300 petugas barisan hadapan terima bantuan MAFI



KUALA LUMPUR - Seramai 300 petugas barisan hadapan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) menerima bantuan berbentuk hasil pertanian kesinambungan daripada program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dikenali sebagai MAFI Prihatin pada Isnin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sehingga 3 Julai seramai 19,572 orang telah menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin sejak ia dilaksanakan pada 27 Mei lalu.

“Mereka (penerima) terdiri daripada petugas hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 78 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 37 metrik tan makanan disalurkan,” kata Ahmad dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut mewujudkan 45 Pasar Segar Terkawal (PST) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan rantai bekalan serta pemasaran makanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Katanya, seramai 2,154 usahawan tani di seluruh negara terbabit dan PST berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM42.25 juta sejak 1 Jun sehingga 3 Julai.

Beliau berkata, 419 usahawan tani yang terkesan semasa tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh dibantu dengan memasarkan 38 jenis hasil pertanian dalam program Ladang Kontrak 2.0 MAFI.

Katanya, FAMA turut mewujudkan Bilik Gerakan (Pusat Pengurusan Krisis) yang beroperasi pada 8 pagi hingga 7 malam bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

Petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian boleh melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Frontliners di PPV MITEC terima sumbangan MAFI Prihatin



Ahmad (dua dari kiri) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 300 barisan petugas hadapan di PPV MITEC pada Isnin.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan kepada seramai 300 barisan petugas hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada Isnin.

Sumbangan menerusi MAFI Prihatin itu diuruskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diserahkan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Ketua Pegawai Eksekutif MITEC, Mala Dorasamy.

Ahmad berkata, sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei sehingga 3 Julai lalu, seramai 19,572 orang telah menerima manfaat terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 78 lokasi seluruh negara membabitkan sebanyak 37 tan metrik makanan.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Penyerahan disaksikan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Pengurus PPV MITEC, Dr Nurul Ashikin Shokri dan Ketua Penyelaras PPV MITEC, Mohd Zaki Mat Noor.



Sebanyak 1,400 sumbangan MAFI Prihatin turut diserahkan di Hospital Sungai Buloh kepada petugas barisan hadapan.

Ahmad berkata, selain pelaksanaan program MAFI Prihatin, MAFI melalui FAMA juga telah mewujudkan sebanyak 45 buah Pasar Segar Terkawal (PST) membabitkan seramai 2,154 usahawan tani di seluruh negara.

Bagi tempoh 1 hingga 3 Julai lalu, katanya, PST berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM42.25 juta.

"Sehingga Sabtu, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 15,303 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani.

"Sektor pertanian formal melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan pula perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama ini, FAMA telah mewujudkan bilik gerakan yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam," katanya.

Beliau berkata, ia bagi membantu petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754, 013-3777100 atau 010-7632684.

Ahmad Hamzah (tengah) sedang berbincang sesuatu dengan wakil MAFI ketika menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di PPV MITEC pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Frontliners di PPV MITEC terima sumbangan MAFI Prihatin

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan kepada seramai 300 barisan petugas hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada Isnin.

Sumbangan menerusi MAFI Prihatin itu diuruskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diserahkan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Ketua Pegawai Eksekutif MITEC, Mala Dorasamy.

Ahmad berkata, sejak pelaksanaan MAFI Prihatin

pada 27 Mei sehingga 3 Julai lalu, seramai 19,572 orang menerima manfaat terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 78 lokasi seluruh negara membabitkan 37 tan metrik makanan.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini bertujuan membantu meringankan beban rakyat," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Penyerahan disaksikan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Pengurus PPV MITEC, Dr Nurul Ashikin Shokri dan Ketua Penyelaras PPV MITEC, Mohd Zaki Mat Noor.



Ahmad (dua dari kiri) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 300 barisan petugas hadapan di PPV MITEC pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Ikan sejuk beku dari Iran dirampas

Pelabuhan Klang: Cubaan sebuah syarikat industri makanan membawa masuk 1,349 kotak belut sejuk beku dan 951 kotak ikan timah gagal selepas dikesan pihak berkuasa di Pelabuhan Barat, dekat sini, pada Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor, Zamri Hashim, berkata semua ikan sejuk beku diimport dari Iran yang dianggarkan bernilai RM146,486.87 itu ditahan pada kira-kira jam 4 petang.

"Hasil pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa MAQIS mendapati, hasil laut seberat 27,955 kilogram yang dibawa masuk syarikat tempatan itu gagal mengemukakan dokumen permit import sah.

"Hasil laut sejuk beku ini dibawa masuk dan berada di pelabuhan sejak 18 Jun lalu, dipercayai untuk pasaran tempatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Per-

khidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara hingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pihak MAQIS menasihati semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan ditetapkan kerajaan supaya kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	KOSMO	NEGARA	12

Rampas 29.7 tan belut, ikan timah dari Iran

KLANG - Cubaan sebuah syarikat industri makanan tempatan membawa masuk 27.9 tan hasil laut sejuk beku seperti belut dan ikan timah gagal selepas dikesan pihak berkuasa di Pelabuhan Barat, baru-baru ini.

Rampasan bernilai RM146,486 itu hasil pemeriksaan pukul 4 petang pada Sabtu lalu oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, kesemua hasil laut itu dibawa masuk dari Iran dan telah berada di pelabuhan tersebut sejak 18 Jun lalu dan untuk pasaran tempatan.

Katanya, semakan mendapati terdapat 1,349 kotak belut dan 951 kotak ikan timah yang diletakkan di dalam sebuah kontena.

"Syarikat tersebut didapati gagal mengemukakan dokumen permit import yang sah.

"Ini merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat yang beroperasi di sekitar Lembah Klang," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011



HASIL laut sejuk beku dari Iran yang dirampas Maqis Selangor baru-baru ini.

(Akta 728).

"Sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	SINAR HARIAN	SELANGOR/ KL/PAHANG	34

Maqis rampas 24 tan ikan susu tanpa permit import



Kotak berisi ikan susu sejuk beku yang dibawa masuk tanpa permit import sah ditemui hasil pemeriksaan pegawai penguatkuasa Maqis di Pelabuhan Kuantan pada Jumaat.

KUANTAN - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pahang merampas 24 tan ikan susu sejuk beku tanpa permit import sah selepas di Pelabuhan Kuantan, di sini pada Jumaat.

Maqis Negeri Pahang dan Terengganu melalui kenyataan memaklumkan, ikan sejuk beku dianggarkan bernilai lebih RM150,000 itu dibawa dari Indonesia.

Menurut kenyataan itu juga, pihak terlibat gagal mengemukakan permit import sah dalam pemeriksaan rutin oleh penguatkuasa Maqis kira-kira jam 10.15 pagi.

"Barangan dagangan tersebut dirampas dan kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan, pihak berkenaan boleh didenda di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali," katanya kenyataan itu pada Isnin.

Mohamad Nazrul Hizam berkata, Maqis meminta semua industri pengimportan dan pengeksportan sentiasa mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan supaya jaminan keselamatan makanan negara terpelihara.

6/7/2021

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN

25

Rancang eksport musang king

Seramai 90 pengusaha di Tanah Merah yakin dapat luaskan pasaran susulan peningkatan pengeluaran buah

Oleh SITI FATIHAH AWANG

TANAH MERAH

Sekumpulan pengusaha durian musang king Tanah Merah (MKTM) merancang untuk memasarkan durian berkenaan ke serata dunia menjelang 2025 berikutan sambutan yang menggalakkan terhadap raja buah itu.

Presidennya, Mohd Lutfi Yusoff berkata, sehingga kini seramai 90 ahli komuniti MKMT yang terlibat dalam penanaman durian musang king membabitkan keluasan lebih 121 hektar di Tanah Merah.

Menurutnya, bersesuaian dengan sejarah musang king yang berasal dari kawasan berkenaan, MKTM mahu pasarnya diperluaskan lagi dengan menggerakannya melalui komuniti yang ditubuhkan.

"Meraka bangunkan tanah-tanah ini secara komersil supaya ia dapat mengikut spesifikasi yang betul bagi mendapatkan pulangan terbaik selepas ini."

"Ketika ini kebanyakan bekalan hanya untuk pasaran dalam negara sahaja dan masih belum cukup untuk dipasarkan ke pasaran luar," katanya ketika ditemui semasa meninjau kebun salah seorang pengusaha MKTM di sini.

Hadir sama, Pegawai Pertanian Jajahan Tanah Merah, Mohd Nazmin Ismail.

Mengulas lanjut, Mohd Lutfi berkata, selaras dengan perancangan untuk mengeksport musang king, maka pihaknya akan mempertingkatkan lagi pengeluaran selepas ini.



"Tapak Selsaman" menjadi antara ciri-ciri yang ada pada buah durian musang king yang di tanam komuniti MKTM.



Mohd Lutfi (dua dari kiri) dan Mohd Nazmin (kanan) bersama komuniti MKTM memegang durian musang king di kebun salah seorang ahlinya.

badan buahnya.

"Jadi dengan keunikan dan keaslian ini akan menjadikan durian musang king MKMT ini antara salah satu buah durian terbaik di pasaran," jelasnya.

Sementara itu beliau berkata, pihaknya juga akan terus mempertahankan keaslian durian musang king di sini termasuklah hasil yang bakal dieksport nanti dan mampu menarik pasar-

an luar walaupun harganya mahal.

Katanya, bagi memastikan kualiti sentiasa terjaga dan terjamin, pihaknya mewajibkan setiap komuniti MKTM menyertai mesyuarat 'SOP Takir' yang dilaksanakan untuk perkongsian ilmu dan idea, selain mendapatkan nasihat serta kerjasama daripada pihak Jabatan Pertanian Negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Jangan halang kenderaan bawa hasil pertanian



ABDUL Razak Khasbullah (kanan) mendengar keluhan pemandu lori Peladang yang tidak boleh melepasi Sekatan Jalan Raya (SJR) disebabkan tiada surat MITI di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS

KUALA LANGAT: Majlis Keselamatan Negara (MKN) digesa memudahkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memudahkan pergerakan pengangkutan yang membawa

hasil pertanian sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Kerja pengagihan hasil pertanian didakwa berhadapan kesukaran apabila dihalang daripada daripada membuat penghantaran ketika melalui pemeriksaan sekatan jalan raya (SJR) walaupun menunjukkan surat kebenaran daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Masalah itu dinyatakan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr.Abdul Razak Khasbullah yang mendakwa tindakan menghalang pengangkutan yang menghantar hasil tani tersebut adalah tindakan memutuskan rantai agro-makanan negara.

“Sepatutnya isu pergerakan melalui SJR melibatkan hasil tani cukup dengan surat daripada MAFI sebagai pembekal makanan negara.

“Kita berharap kelonggaran tersebut diberi memandangkan pengangkutan ini penting bagi menggerakkan rantai makanan negara dengan berkesan,” katanya kepada pemberita di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang hari ini.

Terdahulu, Polis Daerah Kuala Langat mengumumkan lapan SJR akan diwujudkan di Kuala Langat selaras PKPD bagi mengekang pandemik Covid-19 di daerah tersebut.

Abdul Razak berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk memohon surat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) namun merayu kepada MKN agar surat dari agensi MAFI turut boleh diguna pakai untuk melepasi SJR.

Katanya lagi, peranan MAFI dalam memastikan bekalan makanan negara terus terpelihara sewajarnya menjadi pertimbangan pihak MKN dalam memberi akses kepada pengangkutan hasil tani di seluruh kawasan PKPD.

Mengulas lanjut beliau berkata, Pasar Segar Terkawal (PST) di PPHL juga terkesan apabila 8 SJR diwujudkan di kawasan Kuala Langat.

“Saya berharap kelonggaran diberi kepada orang ramai untuk melalui SJR ke PST di sini. Perolehan harian PST jatuh 50 peratus sejak PKPD bermula ahad lalu,” katanya.

Beliau menambah, PPHL Kuala Langat bukan sahaja menerima hasil ladang dari daerah ini malahan 870 petani seluruh negara menghantar hasil tani ke pusat tersebut.

Ujarnya lagi, sewajarnya surat dari MAFI dibenarkan di setiap SJR kerana selama ini pengangkutan dan pengedaran hasil tani dibuat dengan SOP yang dikeluarkan MKN. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

IPBES8: Malaysia saran negara ahli ambil iktibar pandemik Covid-19



KUALA LUMPUR - Malaysia menyarankan supaya negara ahli dalam mesyuarat Platform Dasar Sains Antara Kerajaan mengenai Biodiversiti dan Perkhidmaan Ekosistem Sesi Ke-8 (IPBES8) supaya mengambil iktibar pandemik Covid-19 yang melanda dunia dengan menilai hubungan antara biodiversiti, air, makanan, tenaga dan kesihatan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, Malaysia juga menekankan kepentingan perancangan untuk membina kapasiti serta

memperkukuhkan asas pengetahuan dalam kalangan saintis dan pembuat dasar.

"IPBES bertujuan untuk menyokong pemuliharaan dan penggunaan berkekalan biodiversiti daripada aspek saintifik," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

KeTSA mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat itu yang dijalankan secara maya pada 14 hingga 24 Jun lepas dengan penyertaan 20 pegawai dari kementerian dan agensi terlibat.

Beliau berkata, mesyuarat IPBES8 merupakan mesyuarat tahunan bagi IPBES, iaitu sebuah badan antara kerajaan yang berperanan mengkaji isu biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem serta memperkukuhkan interfasa antara sains dan dasar mengenai biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem.

Shamsul Anuar berkata, mesyuarat IPBES8 juga bersetuju dengan rancangan kerja interim untuk tempoh sesi 2021-2022 bagi membina kapasiti negara-negara ahli yang Malaysia melalui KeTSA akan terus terlibat secara aktif dalam mesyuarat dan program yang dianjurkan oleh IPBES pada masa hadapan.

Delegasi Malaysia yang terlibat adalah dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak (MUDeNR), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Serta Jabatan Biokeselamatan (JBK), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Sarawak Biodiversity Centre (SBC), Sabah Biodiversity Centre (SaBC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

Elak terputus rantai makanan, jangan halang lori bawa hasil pertanian

KUALA LANGAT: Majlis Keselamatan Negara (MKN) digesa memudahkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memudahkan pergerakan pengangkutan yang membawa hasil pertanian sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Kerja pengagihan hasil pertanian didakwa berhadapan kesukaran apabila dihalang daripada membuat penghantaran ketika melalui pemeriksaan sekatan jalan raya (SJR) walaupun menunjukkan surat kebenaran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Masalah itu dinyatakan

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah yang mendakwa tindakan menghalang pengangkutan yang menghantar hasil tani bakal memutuskan rantai agro-makanan negara.

"Sepatutnya isu pergerakan melalui SJR melibatkan hasil tani cukup dengan surat MAFI sebagai pembekal makanan negara.

"Kita berharap kelonggaran tersebut diberi memandangkan pengangkutan ini penting bagi menggerakkan rantai makanan," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang semalam.

Terdahulu, Polis Daerah Kuala

Langat mengumumkan lapan SJR akan diwujudkan di Kuala Langat selaras PKPD bagi mengekang pandemik Covid-19 di daerah tersebut.

Abdul Razak berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk memohon surat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) namun merayu kepada MKN agar surat dari agensi MAFI turut boleh diguna pakai untuk melepasi SJR.

Katanya, peranan MAFI dalam memastikan bekalan makanan negara terus terpelihara sewajarnya menjadi pertimbangan pihak MKN dalam memberi akses kepada pengangkutan hasil tani di seluruh kawasan PKPD.

Mengulas lanjut beliau berkata,

Pasar Segar Terkawal (PST) di PPHL juga terkesan apabila 8 SJR diwujudkan di kawasan Kuala Langat.

"Saya berharap kelonggaran diberi kepada orang ramai untuk melalui SJR ke PST di sini. Perolehan harian PST jatuh 50 peratus sejak PKPD bermula Sabtu lalu," katanya.

Beliau menambah, PPHL Kuala Langat bukan sahaja menerima hasil ladang dari daerah ini malah 870 petani seluruh negara menghantar hasil tani ke pusat tersebut.

Ujarnya lagi, sewajarnya surat MAFI dibenarkan di setiap SJR kerana selama ini pengangkutan dan pengedaran hasil tani dibuat dengan SOP ditetapkan MKN.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Penternak Perlis promosi ternakan di laman sosial menjelang Aidiladha.

Jual kambing korban online

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Sebelum ini, setiap kali menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, Husmizar Hussain, 41, dari Jalan Kolan, Kampung Alor Merah di sini mampu menjual lebih 150 ekor kambing untuk ibadah korban.

Namun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika tempoh pandemik Covid-19, kambing peliharaan Husmizar hanya mampu terjual sekitar 30 ekor sahaja.

Tidak putus asa dengan situasi tersebut, Husmizar mengambil inisiatif baharu dengan cuba berniaga kambing tersebut secara dalam talian khususnya untuk pelanggan yang tidak dapat pulang ke Perlis, sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Dia yang menternak kambing sejak lebih 10 tahun lalu berkata, pihaknya akan menguruskan ibadah korban para pelanggan dari luar negeri ini dengan menghantar bahagian-bahagian daging tersebut.

Katanya, sebagai contoh, mereka akan membantu pelanggan dengan mengagihkan daging kambing tersebut ke-



HUSMIZAR HUSSAIN mengambil inisiatif berniaga kambing secara dalam talian di Jalan Kolan, Kampung Alor Merah, Arau, Perlis hari ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

pulang. "Bayangkan dengan tidak sampai dua minggu lagi menjelang Aidiladha, hanya 30 ekor sahaja terjual daripada keseluruhan hampir 200 ekor kambing peliharaan saya.

"Saya terpaksa mencari inisiatif lain seterusnya teretus idea untuk berniaga secara 'online' ini. Malah, orang Perlis sendiri yang jauh dari Arau, boleh membuat tempahan secara dalam talian ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Husmizar, inisiatif secara dalam talian itu pertama kali dilakukan berbanding sebelum ini dengan pelanggan akan terus datang ke kandang kambingnya.

"Dalam tempoh pandemik ini, kita perlu mencari pelbagai inisiatif baharu, jika tidak banyak kambing tidak terjual sekali gus menyebabkan kami menanggung kerugian," katanya.

Bagi mereka yang ingin menempah kambing Husmizar dengan harga bermula serendah RM700 boleh melayari laman Facebooknya, Husmizar Hussain atau Instagram, susukambingsegar.perlis atau terus menghubunginya di talian 013-4560789.

Selalunya para pelanggan saya juga terdiri daripada anak Perlis di luar yang pulang berhari raya di kampung, namun dalam tempoh PKP ini orang tidak dapat

pada ahli keluarga, jiran masjid dan pelbagai tempat lain sekitar negeri ini.

Jelasnya, promosi kambing secara dalam talian itu dilaksanakan

akan di laman Facebook, Instagram atau boleh menghubungi.

"Jualan kambing pada Aidiladha kali ini sangat perlahan.



Wan Lokman Wan Haron at his pineapple farm in Kuala Krai, Kelantan, which can produce seven tonnes of fruit per season. PIC COURTESY OF WAN LOKMAN WAN HARON

UMK grad reaping rewards of pineapple farming endeavour

KUALA KRAI

A UNIVERSITY Malaysia Kelantan (UMK) graduate is earning a five-figure income by cultivating pineapples, an endeavour which he started three years ago.

Wan Lokman Wan Haron, 33, an alumnus of the Faculty of Agro-Industry and Natural Resources in UMK, has proven that the field of agro-agriculture can provide a lucrative income if one puts in the effort and commitment.

He said after three years of toiling in the heat and dirt, his pineapple farm, cultivated on 4.04 hectares of land in Kampung Chuchoh Puteri, near here, could produce around seven tonnes of pineapples per season.

"The Madu Kaca variety is sold at a wholesale price in the local market for RM2.50 per kg, while the MD2 variety is sold at RM4 per kg.

"The price per kg for the Madu Kaca pineapple retails at RM3.50 to RM5 while

the MD2 pineapple is between RM5 and RM8 per kg depending on the market."

Wan Lokman said the MD2 pineapple was highly sought after because of its sweet taste, juiciness and high-fibre content, which is good for health.

He added that he started cultivating pineapples on an abandoned agricultural land in 2018 at the behest of his family members.

"I started with a capital of around RM30,000 from my family's savings by starting the crop in stages with pineapple seedlings that I bought."

Wan Lokman said his experience studying at UMK helped him a lot in making agriculture his means of livelihood.

"Entrepreneurship education at UMK inspired me a lot, in line with UMK's motto which is 'Entrepreneurship is Our Thrust'.

"I also plan to diversify by cultivating durian, vegetables and several other crops. I have high hopes to make Kampung Chuchoh Puteri one of the premium pineapple producers in Kuala Krai." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/7/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Tupai king kalahkan duri hitam

Peminat durian 'kayangan' kini lebih gemar varieti baharu

DURIAN jenis Tupai 226 atau lebih dikenali sebagai tupai king kini mengatasi kehebatan durian duri hitam apabila peminat tegarnya mula mengalihkan tumpuan terhadap pembelian varieti baharu itu di Balik Pulau, Pulau Pinang ketika ini.

Rata-rata penggemar durian 'kayangan' itu lebih menyukai rasa lemak, manis dan pahit durian tupai king yang dijual pada harga kira-kira RM90 sekilogram berbanding duri hitam RM100 sekilogram yang rasanya pula lebih berlemak.

Seorang peniaga durian, Nicholas Chang, 44, berkata, tempahan dan permintaan durian duri hitam ketika ini antara dua hingga tiga biji sehari sahaja, manakala tupai king pula sehingga 15 biji setiap hari.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2



ISI tupai king berwarna jingga kekuningan, manakala kulit hijau keperangan.

Penggemar durian kayangan jenis duri hitam beralih tumpuan kepada varieti baharu

Tupai king pikat selera 'hantu durian'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

BALIK PULAU – Durian jenis Tupai 226 atau lebih dikenali sebagai tupai king kini telah mengalahkan kehebatan durian premium jenis black thorn atau duri hitam apabila varieti baharu itu mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

Ramai peminat tegar durian duri hitam itu telah mula mengalihkan tumpuan mereka terhadap pembelian tupai king di sini ketika ini.

Rata-rata penggemar durian 'kayangan' itu mula menyukai rasa lemak, manis dan pahit durian tupai king yang dijual pada harga kira-kira RM90 sekilogram berbanding duri hitam RM100 sekilogram yang rasanya pula lebih berlemak.

Seorang pentaga durian di Batu Maung, Nicholas Chang, 44, berkata, tempahan dan permintaan duri hitam dalam kalangan pelanggan di negeri ini semakin berkurangan berbanding pada awal musim pengeluarannya Mei lalu.

Menurutnya, durian duri hitam ketika ini hanya mampu dijual antara dua hingga tiga biji sehari berbanding sehingga enam biji setiap hari pada Mei dan Jun lalu.

"Sejak tupai king mula luruh



PENDAFTARAN durian Tupai 226 diperakui secara rasmi oleh Ketua Pengarah Pertanian pada 26 Februari lalu.

pada bulan ini, permintaan terhadap durian jenis itu adalah tinggi dan saya boleh menjualnya sehingga 15 biji sehari.

"Sekarang, saya tidak lagi letak durian duri hitam dalam kuantiti yang banyak di gerai kerana bimbang tiada permintaan, malah buah itu juga hanya mampu bertahan dalam tempoh sehari sahaja. Jika ada tempahan, baru saya ambil di kebun di Balik Pu-

lau," katanya kepada Kosmo! semalam.

Nicholas memberitahu, rasa pahit, lemak dan manis durian tupai king telah menambat selera penggemar durian duri hitam di negeri ini.

"Sebelum luruh lagi, tupai king sudah ada pembeli yang membuat tempahan awal," ujarnya.

Durian tupai king mempunyai purata berat 2.1 kilogram (kg)

dengan purata sebanyak sembilan ulas bagi setiap buah dan purata berat isi 0.7kg.

Seorang peminat durian, Alia Ahmad, 38, berkata, dia lebih menggemari buah varieti baharu itu disebabkan keenakan rasanya berbanding duri hitam yang bawanya sangat kuat dan lemak.

"Walaupun hanya makan tiga ulas buah tupai king, tetapi saya rasa puas menikmatinya. Sebe-

Tupai king

- Nama varieti ialah Tupai 226
- Pendaftaran dibuat oleh seorang pengusaha kebun durian di Sungai Ara, Bayan lepas pada Mei 2020
- Didaftarkan secara rasmi pada 26 Februari lalu
- Kulit berwarna hijau keperangan
- Berbentuk oval (bujur seperti telur) dengan pangkal membulat dan hujung menajam
- Isi berwarna jingga kekuningan dengan rasa lemak, manis dan pahit

Harga durian

Jenis	Harga
• Duri hitam	RM95 - RM100
• Tupai king	RM85 - RM90
• Musang king	RM45 - RM60
• Hor lor	RM25 - RM40
• Ulang merah	RM25 - RM38
• IOI	RM25 - RM35
• D24	RM20 - RM30

lum ini saya sanggup menghabiskan RM350 semata-mata mahu membeli sebiji durian duri hitam, tetapi sekarang saya lebih gemar tupai king," ujarnya.

Mila terkilan dituduh jual durian harga terlampau mahal



MILA menjual durian yang diambil dari beberapa kebun di Balik Pulau.

PETALING JAYA – Penyanyi dan usahawan, Mila Jirin terkilan apabila ada pihak yang mendakwa harga durian yang dijualnya terlampau mahal sehingga membebankan pembeli.

Menerusi entri yang dimuat naik dalam Instagramnya, Mila memberitahu, dia kecewa apabila tuduhan terhadapnya itu dibuat secara melulu tanpa mengetahui cerita sebenar.

"Sabab sekalian, tidak dinafikan dalam lapan tan lebih durian yang diambil dari beberapa kebun, bukan 100 peratus kesemua isinya bagus.

"Sebab itu, tahun ini kami jual dengan memberi pelanggan melihat isinya terlebih dahulu sebelum dihantar. Dalam berhati-hati bab pembungkusan pun tetap ada masalah. Ada juga beberapa

kes durian rosak (dalam perjalanan disebabkan kotak yang agak panas).

"Bagaimanapun, kami akan tukarkan durian baharu sekiranya berlaku kerosakan demi kepuasan pelanggan. Cuma yang paling saya tersentuh dan tercalar di hati ini apabila mereka kecam saya kononnya menjual durian mahal," tulisnya.

Dalam hantaran sama, pelantun yang popular menerusi lagu *Bila Cinta* itu berkata, keuntungan berniaga durian tidaklah setinggi seperti yang difikirkan.

"Kebun di Balik Pulau, Pulau Pinang itu bukanlah kebun saya. Saya pun hanya tumpang berniaga. Kos beli durian sahaja mencecah RM133,000 dengan purata keuntungan lebih kurang tujuh peratus sahaja.

"Saya jual durian ini pun dahulukan modal saya sendiri untuk sama-sama bantu bawa durian dari Balik Pulau ke kota ini buat mereka yang rindukannya. Macam mana saya nak jual murah jika saya beli di kebun pun sudah mahal," soalnya.

Tambah pemilik nama lengkap Norsyarmilla Jirin, 34, tujuan utama dia memuat naik penjelasan dalam Instagramnya adalah supaya peniaga durian sepejabatnya tidak sewenang-wenang dituduh dan dilabelkan dengan kata-kata kesat.

Selain menjual durian secara bermusim sejak beberapa tahun lalu, Mila turut mengusahakan perniagaan nasi Arab dan kek serta mempunyai perusahaan katering dan dewan perkahwinan miliknya sendiri.